



**BERGABUNG TENAGA...** Dr Shariff (3 kiri) dan Mohd Taib (tiga kanan) bersama kakitangan Jabatan Penerangan dan UMS-KAL.

## Jabatan Penerangan Labuan jalin kerjasama dengan UMS-KAL

**LABUAN:** Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan akan terus menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk kebaikan kedua-dua agensi kerajaan itu.

Pengarahnya, Mohd Taib Ubah berkata Jabatan Penerangan Labuan sentiasa menggalakkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terutama UMS-KAL yang merupakan satu-satunya IPTA di Labuan.

Katanya, pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk mahasiswa dan kakitangan UMS-KAL wajar diadakan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pusat ilmu yang akhirnya akan menguntungkan penduduk tempatan.

"Jabatan Penerangan Labuan mahu kerjasama seperti ini diteruskan pada masa akan datang demi kebaikan mahasiswa dan kakitangan UMS-KAL serta masyarakat setempat amnya," katanya semasa kunjungan hormat pegawai Jabatan Penerangan Labuan ke UMS-KAL kelmarin.

Turut bersama beliau ialah Penolong Pengarah, Anna Maria Mazlan, kedua-dua Pegawai Penerangan, Yahya Abd Rajak dan Ramlen Salleh. Rombongan Jabatan Penerangan itu disambut oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang di bilik mesyuarat eksekutif Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL.

Turut hadir, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Matersah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil, Pegawai Psikologi, Nur Iman Reedzal, Penolong Pendaftar Akademik, Noraini Samsu, dan Penolong Pendaftar Kokurikulum, Mas Adi Alimin.

Sementara itu, Jabatan Penerangan Labuan akan mengadakan program Gemilang Siswa untuk mahasiswa IPTA dengan kerjasama UMS-KAL awal bulan depan yang bertujuan meningkatkan semangat patriotik dan rasa cintakan negara di kalangan mahasiswa IPTA.



**CENDERAMATA...** Dr Shariff (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Yahya diperhatikan Mohd Taib (tiga kiri).